

BAB 4: IMPLIKASI KONFLIK PAPUA BARAT DALAM HUBUNGAN DUA HALA

4.1 PENGENALAN

Sebagai salah satu hubungan dua hala yang agak kompleks di dunia, hubungan Australia dan Indonesia sering mengalami ketegangan dari masa ke masa. Meskipun masalah Papua Barat bukan merupakan faktor penentu dalam hubungan dua hala ini, namun sebarang perubahan di bahagian Indonesia yang tidak stabil ini dilihat mempunyai potensi untuk muncul sebagai halangan dan faktor tidak menentu dalam hubungan dua hala. Anggapan ini jelas terbukti melalui insiden Australia menerima 43 pencari suaka dari Papua Barat yang berlaku pada 2006, yang membawa kepada kemerosotan hubungan dua hala, dan memerlukan masa dan usaha dari kedua-dua pihak untuk memperbaikinya. Konflik Papua Barat dilihat menjadi lebih kritikal dan sensitif, terutamanya selepas Timor Timur mencapai kemerdekaan pada 1999, yang bermula daripada campur tangan Perdana Menteri Australia John Howard.

Konflik Papua Barat boleh membawa pengaruh kepada hubungan dua hala dari pelbagai dimensi. Pertama adalah dari segi politik, di mana sebarang tindakan atau pernyataan Australia yang menyebabkan Indonesia meragui motif sebenar Australia di Papua Barat, akan mengundang kepada ketegangan dalam hubungan dua hala, kerana Indonesia berpendapat Australia akan mengulangi perbuatan mereka dalam isu Timor Timur yang menyebabkan Indonesia kehilangan wilayahnya. Perkara sedemikian tidak hanya menyebabkan ketegangan politik, namun ia turut akan menjejaskan kerjasama Australia-Indonesia dalam bidang-bidang seperti ketenteraan, ekonomi, mahupun bidang sosial yang melibatkan hubungan antara rakyat dengan rakyat. Kajian ke atas bagaimana konflik Papua Barat mempengaruhi hubungan dua hala Australia-Indonesia,

juga perlu dilengkapi dengan kajian bagaimana hubungan dua hala ini mempengaruhi persepsi dan dasar-dasar Australia terhadap Papua Barat, kerana kedua-dua perkara ini adalah saling melengkapi dan mempengaruhi.

Konflik Papua Barat telah memberi implikasi kepada hubungan dua hala Australia-Indonesia selama beberapa dekad. Bab ini akan mengkaji bagaimanakah konflik Papua Barat memberi implikasi kepada hubungan dua hala. Analisis implikasi akan dilakukan terhadap aspek-aspek hubungan politik, keselamatan, ekonomi dan sosial serta bagaimana konflik ini membawa implikasi positif dan negatif terhadap hubungan dua hala. Kajian akan tertumpu kepada tiga zaman yang berbeza, iaitu zaman Suharto, zaman pasca Suharto, serta selepas tragedi pengeboman Bali 2002. Pemilihan tiga waktu ini adalah untuk memberi gambaran bagaimana peristiwa yang berlaku pada zaman yang berbeza boleh membawa kepada implikasi yang berlainan serta bagaimana ia telah mengubah haluan hubungan dua hala Australia-Indonesia.

4.2 IMPLIKASI KONFLIK PAPUA BARAT DALAM HUBUNGAN POLITIK DUA HALA

Sebagai dua negara yang berjiranan, meskipun Australia dan Indonesia tidak menghadapi masalah perselisihan sempadan, namun kedaulatan Indonesia ke atas bahagian-bahagiannya yang penuh dengan kontroversi dan ancaman aktiviti pemisahan dilihat mempunyai potensi yang cukup kuat untuk mempengaruhi perkembangan hubungan dua hala. Timor Timur dan Papua Barat merupakan contoh yang terbaik dalam isu ini, di mana pendirian Australia dilihat adalah kritikal dalam hala tuju hubungan Australia-Indonesia. Hubungan Australia-Indonesia adalah sangat baik pada awal penubuhan negara Indonesia, apabila Australia memainkan peranan mereka untuk

menyokong negara baru yang terlepas dari cengkaman Belanda. Penurunan dalam hubungan dua hala mula wujud apabila Australia tidak menyebelahi keinginan Sukarno yang mahu Papua Barat masuk ke Indonesia, dan juga dalam peristiwa konfrontasi terhadap Malaysia apabila Australia berperanan membantu Malaysia daripada menghadapi serangan Indonesia. Hubungan Australia dengan Indonesia kembali kukuh apabila Australia menyokong Indonesia menakluki Timor Timur, dan tidak mempersoalkan kedaulatan Indonesia ke atas Papua Barat dalam waktu pemerintahan Suharto. Kedinginan hubungan dua hala kembali wujud pada zaman pasca Suharto, apabila Australia yang lantang menyokong kemerdekaan Timor Timur dilihat turut mungkin akan mempersoalkan status Papua Barat. Perkembangan sedemikian berasal daripada perasaan saling tidak percaya yang wujud dari pemimpin kedua-dua negara, terutamanya dari Indonesia yang sentiasa meragui niat sebenar Australia mengenai kedaulatan mereka ke atas wilayah-wilayah yang bergolak ini. Selepas konflik Timor Timur berakhir, tumpuan Indonesia terarah ke Papua Barat yang dilihat oleh kebanyakan sarjana berpotensi menjadi Timor Timur yang kedua.

4.2.1 Zaman Suharto

Hubungan Australia-Indonesia di zaman Suharto dilihat berada di puncaknya, di mana ketegangan yang wujud akibat masalah Papua Barat pada zaman Sukarno telah berlalu. Tambahan pula, Suharto yang mempunyai pendekatan realistik turut tidak mempunyai perasaan anti Barat yang menebal seperti Sukarno, dan menyebabkan beliau senang dirapati oleh pemimpin Australia. Pada 1975, Indonesia menakluki Timor Timur, selepas Portugal yang menjajah kawasan ini meninggalkan daerah jajahan mereka, dan menjadikan ia sebagai wilayah ke-27 Indonesia selepas itu. Tindakan Suharto ini menerima kecaman yang hebat dari masyarakat dunia, dan tidak banyak negara Barat mengakui tindakan Indonesia ini, tetapi Australia memilih untuk berpihak kepada

Indonesia. Keakraban hubungan dua hala ini boleh dilihat sebagai pendirian tidak realistik kerajaan Australia terhadap Indonesia mahupun Suharto, kerana mereka terlalu bertoleransi dengan tindakan-tindakan kerajaan Indonesia yang tidak menepati amalan demokrasi dan hak asasi manusia.

Pendirian Australia yang terlalu mesra Indonesia menyebabkan isu kedaulatan Indonesia terhadap wilayah kontroversi seperti Timor Timur dan Papua Barat dilihat hampir lenyap dari agenda hubungan dua hala pada zaman ini. Bob Hawke yang menjadi Perdana Menteri Australia pada 1983 telah memilih Indonesia sebagai destinasi pertama lawatan rasmi beliau. Keating yang mengantikan Hawke turut menjejak langkah beliau dan menjadikan Indonesia sebagai pilihan beliau dalam lawatan rasmi sulung, di samping menganggap Suharto sebagai antara “pemimpin terhebat di dunia di samping merupakan pemimpin serantau senior yang tidak boleh dipertikaikan.”¹ Kedua-dua Hawke dan Keating yang melawat Indonesia dalam lawatan rasmi pertama mereka secara tidak langsung merupakan penghormatan yang tinggi kepada Indonesia mahupun Suharto, dan ia telah membawa kestabilan dalam hubungan dua hala dalam waktu yang melebihi sedekad. Zaman kedua-dua Perdana Menteri ini memperlihatkan hubungan Australia-Indonesia telah berada di tahap yang paling maksimum, dan kedua-dua Perdana Menteri ini memilih mengabaikan masalah dalaman Indonesia yang rumit akibat daripada pemerintahan autokratik Suharto.

Meskipun Australia berusaha mengamalkan dasar-dasar pro Indonesia dalam konflik Papua Barat, namun beberapa insiden yang berlaku di zaman ini telah menunjukkan bahawa Australia perlu memberi sokongan yang sepuh kepada Indonesia dalam isu kedaulatan Papua Barat, dan perubahan dasar dalam kes-kes tertentu yang melibatkan Papua Barat pastinya akan mendatangkan kecaman dari

¹ Brian Carroll, *Australia's Prime Ministers: From Barton to Howard* (New South Wales: Rosenberg Publishing Pty Ltd, 2004), 288.

Indonesia yang memerlukan usaha yang lebih dari Australia untuk memperbaiki hubungan. Pada tahun 1985, Australia yang memberi perlindungan kepada pencari suaka Papua Barat telah menerima kritikan dan tekanan yang hebat dari Indonesia. Walaupun insiden ini berlaku pada waktu hubungan dua hala yang baik, namun kedaulatan Papua Barat atau Indonesia adalah tidak boleh disentuh pada bila-bila masa, dan ia boleh mendatangkan implikasi negatif kepada hubungan dua hala kerana kedaulatan Papua Barat adalah sentiasa berada dalam keutamaan Jakarta.

Masalah hak asasi manusia juga adalah begitu serius di Papua Barat pada zaman Suharto, di mana pemimpin ditaktor ini telah mengerahkan bilangan tentera yang banyak untuk mengembalikan kestabilan di rantau ini, sehingga menyebabkan kes kematian dan penganiayaan meningkat dengan mendadak. Australia memilih untuk berpeluk tubuh dalam kejadian-kejadian tidak bermoral ini, dan ia menepati selera Suharto seterusnya menyebabkan hubungan dua hala menjadi erat. Malah, Timbalan Perdana Menteri Australia Tim Fisher memuji Suharto sebagai “mungkin merupakan seorang pemimpin yang terhebat pada akhir abad 20”.² Tindakan-tindakan sedemikian menunjukkan isu kritikal seperti penganiayaan hak asasi manusia di Timor Timur dan Papua Barat sejak dulu lagi tidak menjadi pertimbangan kerajaan Australia untuk menasihati jirannya mengadaptasikan cara penyelesaian yang lebih baik untuk menyelesaikan konflik di bahagian-bahagian yang tidak stabil ini. Sebaliknya, untuk mengekalkan hubungan baik dengan Indonesia, Perdana Menteri Australia pada zaman Suharto cuba memenuhi keinginan beliau sebagai balasan untuk mengekalkan kestabilan hubungan dua hala. Pendirian Australia yang teguh dalam menegaskan kedaulatan Indonesia ke atas Papua Barat turut mengukuhkan lagi hubungan dua hala, kerana pengiktirafan sedemikian adalah penting bagi Jakarta untuk meneruskan cengkaman di Papua Barat.

² Humphrey McQueen, *Social Sketches of Australia, 1888-2001* (Brisbane: University of Queensland Press, 2004), 369.

4.22 Zaman Pasca Suharto

Suharto yang dipilih semula sebagai Presiden Indonesia pada Mac 1998, terpaksa meninggalkan tampuk pemerintahan yang dijabatnya selama 32 tahun, selepas demonstrasi jalanan hebat pelajar-pelajar Indonesia yang disusuli dengan rusuhan kaum pada Mei 1998. Zaman ini mempunyai beberapa ciri-ciri khas, yang dilihat telah mengubah hala tuju hubungan dua hala Australia-Indonesia. Antaranya, Habibie yang menggantikan Suharto telah berusaha menerapkan nilai-nilai demokrasi dalam sistem pemerintahan Indonesia, namun Indonesia yang baru memasuki era pasca Suharto masih mencari-cari rentak yang sesuai untuk masa depan mereka. Bagi Australia, perubahan drastik Indonesia telah mengucar-kacirkan dasar mereka terhadap Indonesia, sehingga Howard beranggapan menyokong Timor Timur berpisah dari Indonesia dapat membantu Indonesia membuka lembaran yang baru.

Selepas Timor Timur mencapai kemerdekaan, konflik Papua Barat menjadi semakin kritikal dalam hubungan dua hala, kerana kedua-dua pihak takut sebarang tindakan yang dilakukan akan melemahkan lagi hubungan dua hala. Bagi Indonesia, mereka bimbang isu Timor Timur akan dijadikan platform untuk Australia mencampuri konflik Papua Barat yang sejurusnya boleh melemahkan kesatuan gagasan Indonesia. Dari perspektif Australia, mereka mengkhawatiri “ambil berat” yang terlalu banyak dalam hal ehwal Indonesia akan menimbulkan rasa sangsi kerajaan ataupun orang Indonesia, yang akan menyebabkan keretakan hubungan dua hala. Namun dari sudut yang lain, Australia turut bimbang sekiranya membiarkan Indonesia yang merupakan jiran terdekat mereka terus berada dalam keadaan tidak stabil, ia akan mendatangkan ancaman keselamatan kepada mereka.

Selepas Suharto meletak jawatan, pemimpin kemerdekaan di Papua Barat menjinak-jinak untuk menuntut kemerdekaan seiring dengan Timor Timur, dan menyebabkan ketegangan wujud antara Papua Barat dan Jakarta. Akhirnya, Jakarta telah mengerahkan lebih banyak tenaga tentera untuk mengembalikan keadaan, termasuklah pembunuhan Theys Eluay yang merupakan pengerusi Dewan Papua. Australia yang mendapat pengajaran dari peristiwa Timor Timur sekali lagi tidak memberi respon atau sebarang teguran kepada Indonesia untuk mengambil hati Jakarta. Australia turut berusaha memberi jaminan kepada Indonesia bahawa mereka tidak berniat mencampuri konflik Papua Barat dan menghormati kedaulatan Indonesia, tetapi tidak banyak membantu dalam memperbaiki hubungan dua hala. Pada tahun 2000, Menteri Luar Australia Downer menasihati Indonesia supaya tidak menindas hak asasi manusia, kerana ia boleh menggalakkan aktiviti pemisahan, dan Canberra memerlukan Papua Barat terus kekal di Indonesia untuk kestabilan serantau.³ Kenyataan sedemikian selalunya tidak ditafsir oleh Jakarta sebagai sokongan Canberra terhadap kedaulatan negara mereka, tetapi lebih mirip kepada “tunjuk ajar” yang mempunyai motif tersendiri. Tahap kepercayaan yang rendah antara kedua-dua negara telah menyebabkan ketegangan wujud dalam awal zaman pasca Suharto.

Dalam situasi sukar ini, kedua-dua kerajaan telah mengamalkan dasar-dasar yang berubah-ubah dalam tempoh ini untuk menyesuaikan keadaan dan menyebabkan hubungan dua hala menjadi tidak konsisten. Abdurrahman Wahid yang menjadi Presiden Indonesia yang keempat pada Oktober 1999 telah membatalkan kerjasama keselamatan yang dibincangkan antara Keating dan Suharto, dan merupakan antara tanda kemarahan Indonesia terhadap tindakan Australia dalam insiden Timor Timur.⁴ Kebimbangan Indonesia terhadap campur tangan Australia dalam konflik Papua Barat

³ Michelle Grattan, “Australia Warns Jakarta Over Papuans' Rights,” *Sydney Morning Herald*, 6 November 2000.

⁴ Stephen Sherlock, “Indonesia's New President: Continuity, Change and the Problems Ahead,” *Parliament of Australia*, <http://www.aph.gov.au/library/pubs/cib/1999-2000/2000cib10.htm/> (accessed 18 December 2011).

juga mungkin merupakan pertimbangan Indonesia untuk menamatkan kerjasama dengan Indonesia. Bagi Australia, kehilangan yang terbesar dalam tempoh ini adalah terbantutnya kerjasama ketenteraan dengan Indonesia. Sepanjang kerjasama ketenteraan dari tahun 1993-1998, ia dapat membantu Australia menilai semula pendirian tradisionalnya yang menganggap Indonesia sebagai musuh yang berpotensi. Selepas kerjasama ketenteraan dibatalkan, Australia terpaksa merangka semula rancangan pertahanannya dan sejurus menyebabkan peningkatan bajet pertahanan untuk membeli senjata dan perbelanjaan tenteranya.⁵ Hakikat ini telah mengingatkan pemimpin Australia mengenai kepentingan untuk mengekalkan hubungan yang stabil dengan Indonesia demi keselamatan negara.

4.2.3 Zaman Pasca Pengeboman Bali 2002

Megawati Sukarnoputri telah mengantikan Wahid sebagai Presiden Indonesia kelima pada Julai 2001. Hubungan Australia-Indonesia pada era pemerintahan beliau tidak banyak berubah pada awal pemerintahan. Pada 12 Oktober 2002, serangan keganasan telah berlaku di Bali dan orang Australia merupakan mangsa korban yang terbanyak dalam insiden ini. Dilihat dari jangka panjang, tragedi ini telah mengubah haluan hubungan dua hala Australia-Indonesia secara amnya, dan konflik Papua Barat secara umum, meskipun ia tidak merupakan pengaruh yang langsung. Insiden ini mengingatkan Canberra dan Jakarta bahawa meskipun mereka tidak sehaluan dalam kebanyakan bidang, tetapi mereka perlu juga bekerjasama dalam bidang keselamatan demi kepentingan bersama.

Australia mengalami dilemma pada Januari 2006 apabila pelari dari Papua Barat mencari suaka di negara mereka, dan peristiwa 1985 berulang lagi, apabila Australia

⁵ Bilveer Singh, *Defense Relations Between Australia And Indonesia In The Post-Cold War Era* (Westport: Greenwood Press, 2002), 130-131.

akhirnya mengisukan visa kepada 42 daripada 43 mereka. Masalah pelarian dan pencari suaka Papua Barat dilihat kritikal kerana Australia berada dalam situasi sukar untuk memberi perlindungan kepada mereka, tetapi dilihat Indonesia sebagai potensi Australia membuka ruang untuk mencampuri konflik Papua Barat yang boleh menggugat kedaulatan Indonesia. Ekoran daripada insiden sedemikian, Indonesia sentiasa memantau gerak-geri Australia dan menyebabkan tahap kepercayaan kedua-dua pihak adalah sangat rendah.

Masalah hak asasi manusia menjadi semakin rumit dalam era ini, di mana peristiwa tunjuk perasaan yang melibatkan orang Papua Barat semakin rancak dan menyebabkan Tentera Nasional Indonesia (TNI) melakukan penindasan yang lebih hebat untuk mengekang kemaraan mereka. Masalah-masalah hak asasi manusia ini mungkin menyumbang kepada aktiviti tunjuk perasaan yang berskala besar, dan mempunyai risiko tinggi mengakibatkan peningkatan penindasan ketenteraan.⁶ Australia sekali lagi tidak mengambil berat terhadap tindakan sedemikian, dan merestui perbuatan Indonesia demi kepentingan sendiri. Perjanjian keselamatan yang dimeterai pada tahun 2006 telah memasukkan syarat-syarat yang menghalang kedua-dua negara dari mencampuri hal ehwal dalaman masing-masing. Tindakan Australia berjaya mengembalikan kepercayaan Indonesia, dan kenyataan sedemikian dilihat adalah penting untuk menenteramkan pemerintah Jakarta.

4.3 IMPLIKASI KE ATAS HUBUNGAN KESELAMATAN

Bagi Australia, Indonesia sering dianggap oleh mereka sebagai ancaman atau musuh berpotensi yang mungkin akan menggugat keselamatan domestik Australia.

⁶ Jim Elmslie, Camellia Webb Gannon, and Peter King, *Get Up, Stand Up: West Papua Stands Up for its Right: A Rebuttal International Crisis Group Report No. 188, Radicalisation and Dialogue in Papua: West Papuans Unite Against Special Autonomy and for a Referendum on Independence* (Sydney: The University of Sydney, 2010), 27.

Sebagai bahagian Indonesia yang paling berdekatan dengan Australia, Papua Barat yang bergolak dilihat berpotensi mengancam kestabilan Indonesia yang sejourus memberi kesan kepada keselamatan Australia. Selain itu, masalah pelarian dilihat turut memberi kesan kepada keselamatan Australia, di samping mempunyai kebolehan untuk mempengaruhi hubungan dua hala Australia-Indonesia.

4.3.1 Masalah Keselamatan

Sebagai dua jiran terdekat, Australia dan Indonesia dilihat tidak hanya memiliki kedekatan dari segi geografi, tetapi wujudnya jurang yang besar mengenai pendirian dalam pelbagai bidang, dan ia termasuklah hubungan keselamatan. Bagi Indonesia, mereka tidak melihat Australia sebagai musuh yang berpotensi, sebaliknya menganggap keselamatan domestik sebagai keutamaan, disusuli dengan keselamatan sub-serantau, keselamatan serantau (Asia Tenggara), keselamatan rantau berjiranan sebagai keutamaan perancangan keselamatan mereka.⁷ Hakikat ini boleh menerangkan mengapa Australia lebih cenderung untuk mengambil inisiatif mempelawa Indonesia menjalinkan perjanjian keselamatan, sebaliknya Indonesia agak pasif terhadap pelawaan mereka. Apabila Indonesia lebih penting kepada Australia, lebih daripada Australia penting kepada Indonesia, perselisihan tidak dapat dielakkan, kerana inisiatif yang diambil Australia termasuklah dalam konflik Papua Barat, akan dianggap Indonesia sebagai mempunyai keinginan mencampuri urusan dalaman mereka.

Seperti yang telah dibincangkan pada Bab 3, Papua Barat adalah penting kepada keselamatan Australia, kerana ia boleh memainkan peranan sebagai benteng pertahanan Australia. Kestabilan di Papua Barat boleh menjamin Australia daripada perlu mencampuri tangan dalam konflik ini, dan sejourusnya mengelakkan ketegangan dengan

⁷ Allan Gyngell, "Australia-Indonesia," in *Australia As An Asia Pacific Regional Power: Friendship In Flux?*, ed. Brendan Taylor (Oxon: Routledge, 2007), 113-114.

Indonesia dan mengekalkan keamanan serantau. Untuk memastikan strategi keselamatan Papua Barat adalah berkesan, Australia telah memainkan beberapa langkah yang boleh dilihat sebagai kontroversi oleh rakyatnya sendiri. Pendekatan yang diambil oleh Australia adalah seperti menghantar agen perisik di Papua Barat, memberi latihan kepada pasukan Komando Pasukan Khusus (Kopassus) Indonesia, dan membekalkan senjata kepada Indonesia.

Indonesia mendapat jaminan dari Australia dalam bidang diplomatik dan politik bahawa mereka tidak berniat mencampuri konflik Papua Barat, tetapi aktiviti perisikan yang dijalankan Australia di Papua Barat kadangkala adalah mencurigakan dan boleh meruntuhkan kepercayaan Jakarta terhadap Canberra. Menurut sumber dari pegawai Indonesia, beberapa orang Australia telah ditahan kerana dipercayai terlibat dalam aktiviti perisikan di Papua Barat untuk membantu perjuangan golongan pemisah di dalam daerah ini.⁸ Sumber dari Papua Barat yang mempunyai kontak di Australia pernah memberitahu *West Papua Advocacy Team* (WPAT) bahawa tentera Australia menghantar unit perisikan mereka dan menunjukkan Canberra bimbang terhadap kemungkinan wujudnya ketidakstabilan di kawasan sempadan Papua Barat dengan Papua New Guinea.⁹

Indonesia yang bimbang terhadap campur tangan masyarakat dunia telah mengenakan sekatan perjalanan yang ketat ke atas pelancong asing yang ingin melawat Papua Barat, kerana mengkhawatiri mereka menyalahgunakan visa pelancongan dengan menjalankan aktiviti perisikan atau memberi sokongan kepada pejuang pemisah. Penglibatan orang Australia yang menjalankan aktiviti perisikan membangkitkan kemarahan pihak tentera dan berkuasa Indonesia, dan menyebabkan Indonesia sukar

⁸ Bilveer Singh, *Defense Relations Between Australia and Indonesia in The Post-Cold War Era*, 147.

⁹ "West Papua Report September 2006," East Timor Action Network, <http://etan.org/issues/wpapua/0609wpap.html> (accessed 21 March 2012).

untuk mempercayai niat sebenar Australia dalam konflik Papua, kerana mereka mungkin melakukan kerja-kerja sabotaj melalui visa pelancongan dengan membantu Organisasi Papua Merdeka (OPM) dan sebagainya untuk memperjuangkan aktiviti pemisahan dari Indonesia.

Dari segi lain pula, Australia adalah begitu gigih menjalankan kerjasama dengan TNI di Papua Barat, walaupun dikecam dengan hebat oleh rakyatnya yang berpendapat TNI tidak menjalankan tugas mereka dengan professional, kerana melakukan penganiayaan terhadap orang Papua Barat. Penglibatan Australia yang paling banyak dikecam adalah hubungan mereka dengan pasukan Kopassus Indonesia yang dilihat sering melakukan kegiatan-kegiatan yang melanggar hak asasi manusia. Tindakan Kopassus yang terkutuk sampai ke kemuncaknya apabila pasukan ini telah mempunyai rekod melanggar hak asasi manusia selepas orang Timor Timur memilih untuk merdeka pada tahun 1999. Sebagai sebuah pasukan khas yang mengendalikan misi-misi khas atas arahan kerajaan Indonesia, Kopassus turut terlibat dalam misi di Papua Barat. Australia mula membekalkan latihan kepada pasukan ini sejak era Suharto lagi, dan ini menyebabkan mereka turut dikaitkan sebagai “penjenayah bersama” dalam segala kegiatan tidak bermoral yang dijalankan, termasuklah di Papua Barat.

Selepas insiden Timor Timur, selain hubungan antara tentera Australia dan TNI menjadi dingin, Australia juga mengalami dilemma untuk memilih bentuk kerjasama yang boleh dibentuk dengan TNI pada masa hadapan. Kejadian pengeboman di Bali pada tahun Oktober 2002 dilihat menjadi titik perubahan untuk mereka memiliki alasan yang kukuh untuk bekerjasama dengan Kopassus. Kopassus merupakan skuad TNI yang mempunyai tugas khas dalam membanteras kegiatan keganasan, dan kerjasama antara tentera Australia dan Kopassus adalah lebih “sah” kerana Australia dan Indonesia

mempunyai matlamat yang sama dalam membanteras kegiatan keganasan. Kementerian Pertahanan Australia menegaskan bahawa Kopassus merupakan pasukan pembanteras keganasan yang paling berkaliber di Indonesia, dan adalah perlu untuk Australia mengecilkkan skop kerjasama dengan Kopassus dalam bidang ini, dan mengambil inisiatif untuk mengembara peluang kerjasama bagi kepentingan bersama.¹⁰

Keinginan Australia menjalankan kerjasama dengan TNI adalah berasaskan beberapa kepentingan. Antara yang paling utama pada zaman pasca pengeboman Bali adalah menguatkan lagi kerjasama keselamatan antara dua negara supaya dapat mengatasi masalah keganasan di Indonesia dengan lebih berkesan. Selain itu, Kopassus yang menjalankan tugas di Papua Barat turut mempunyai peranan sebagai pelindung kepada syarikat perlombongan (termasuk syarikat perlombongan Australia), dan tanpa penglibatan TNI mahupun Kopassus, syarikat perlombongan ini adalah sukar menjalankan tugas mereka di kawasan yang bergolak ini. Kerjasama ini turut boleh membantu Indonesia mengekang gerakan pemisah di Papua Barat daripada memberi kesan sampingan kepada pertahanan Australia.

Kerjasama dengan TNI atau Kopassus sering dikritik hebat oleh Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan orang Australia, kerana ia tidak mendatangkan faedah yang lumayan kepada Australia. Sebaliknya, Australia dilihat tidak bermoral kerana memilih untuk bekerjasama dengan sebuah pasukan tentera yang mempunyai rekod moral tercalar. Dalam dimensi yang lain, Australia turut diperalatkan oleh TNI untuk membersihkan nama buruknya yang terjejas semenjak operasi di Timor Timur pada tahun 1999. Pada sekitar tahun 2000, pegawai senior TNI berniat memperbaharui kerjasama dengan tentera Australia, kerana hubungan ini boleh dipergunakan sebagai

¹⁰ Joint Committee on Foreign Affairs, Defence and Trade, *Australia's Relationship with Indonesia*, (Canberra: Australian Government, 2004), 39.

bukti mereka diterima di masyarakat dunia, sejurus meminta kongres Amerika Syarikat (AS) kembali melatih mereka dan menghapuskan larangan eksport senjata ke atas mereka.¹¹ Selepas Perjanjian Lombok termeterai pada tahun 2006, ia membantu dalam mengukuhkan kerjasama dalam bidang ketenteraan antara Australia dan Indonesia. Dalam hal ini, Dupont berpendapat adalah senang untuk membentuk dasar luar yang bermoral secara prinsip, namun ia agak sukar untuk dilaksanakan.¹² Hujah sedemikian merupakan alasan terbaik Australia memilih untuk bekerjasama dengan TNI dan mengetepikan segala dakwaan moral kerana keperluan strategik perlu diletakkan dalam tempat yang paling utama. Tindakan terkutuk TNI di Papua Barat semakin dikikiskan Australia dalam agenda mereka dalam usaha menjalinkan hubungan yang baik dengan Indonesia. Semakin Australia memerlukan hubungan yang kukuh dengan Indonesia, mereka tidak akan kisah akan rekod buruk TNI dan juga masa depan orang Papua Barat.

Bagi konteks pembekalan senjata, Australia pernah membuat 14 penghantaran bantuan ketenteraan, yang mengandungi peralatan ketenteraan, dan 207 penghantaran yang mempunyai perkakasan dwi-guna, yang boleh diguna dalam bidang ketenteraan dan awam.¹³ Australia turut membekalkan kapal terbang peronda pengawasan (*nomad surveillance*) kepada Indonesia, dan ia berperanan membantu TNI mengelakkan pencari suaka dari Papua Barat dari mendarat di Australia yang boleh memudaratkan kepentingan kedua-dua negara.¹⁴ Pembekalan senjata Australia kepada Indonesia adalah penting kepada kedua-dua negara, kerana Indonesia memerlukan senjata ini untuk menguatkan kapasiti mereka dalam melawan gerakan pemisah di Papua Barat, dan Australia akan turut menikmati kestabilan serantau melalui pengurangan konflik di Papua Barat.

¹¹ Damien Kingsbury, *Australia's Renewal of Training Links With Kopassus: A Critique* (Canberra: Strategic and Defence Studies Centre, 2004), 3.

¹² *Ibid.*, 14.

¹³ Frans Welman, *West Papua Free!: Volume 2* (Bangkok: Bangkok Books, 2011), 207.

¹⁴ *Ibid.*

Ancaman di Papua Barat membuka peluang kerjasama keselamatan kepada kedua-dua negara dalam bidang keselamatan. Antara ancaman yang dikenal pasti dalam konflik Papua Barat adalah pergolakan di daerah ini yang mungkin berulang, pencari suaka dari Papua Barat yang cuba mendarat di Australia, dan ketegangan politik dengan Indonesia sekiranya Australia tidak sehaluan dengan mereka dalam konflik Papua Barat. Ancaman-ancaman sedemikian adalah cuba dihindari Jakarta dan Canberra, kerana ia akan mencabar keselamatan dalaman kedua-dua negara, selain menyebabkan perselisihan timbul kerana perbezaan pendapat. Untuk mengatasi masalah ini, hubungan keselamatan kedua-dua negara dilihat semakin erat dari zaman Suharto sehingga masa kini, kerana kedua-dua negara mempunyai kepentingan dalam keselamatan Papua Barat. Perbezaan persepsi antara Australia dan Indonesia di aspek lain dalam konflik Papua Barat dilihat tidak banyak mempengaruhi kerjasama mereka dalam bidang keselamatan, kerana mereka terpaksa bekerjasama demi kepentingan bersama.

4.3.2 Masalah Pelarian Papua Barat

Masalah pelarian Papua Barat turut merupakan suatu masalah yang menghantui Australia untuk menguruskan hubungan dua hala dengan Indonesia. Sebagai salah sebuah negara yang menangani Konvensyen Pelarian 1951 Pesuruhjaya Tinggi PBB Bagi Pelarian (UNHCR), Australia mempunyai peranan untuk menerima pencari suaka yang datang ke negara mereka untuk mendapatkan perlindungan. Keadaan ini telah menyebabkan mereka perlu menghadapi risiko tidak puas hati dari Indonesia apabila menerima pencari suaka yang berasal dari Papua Barat. Bagi Indonesia, penerimaan pencari suaka dari Papua Barat oleh Australia adalah mempunyai niat politik, di samping merupakan tanda simbolik Australia mengakui orang Papua Barat diberi layanan buruk oleh pihak berkuasa Indonesia. Keadaan ini menjadikan cara

penyelesaian pencari suaka Papua Barat yang lebih baik adalah penting untuk mengelakkan ia menjadi isu dua hala yang boleh merenggangkan hubungan.

Pada zaman Suharto, Indonesia yang baru menguasai Papua Barat telah melakukan usaha “pembersihan” yang hebat ke atas anggota OPM, untuk menghapuskan pengaruh mereka bagi mengukuhkan penguasaan Indonesia. Papua New Guinea yang berjiranan dengan Papua Barat mengalami masalah kemasukkan pelarian, yang boleh dianggap sebagai masalah keselamatan dalaman Papua New Guinea. Untuk mengatasi masalah pelarian Papua Barat, Indonesia secara sengaja atau tidak sengaja telah membiarkan helikopter atau pasukan mereka melepasi sempadan Papua New Guinea. Misalnya pada tahun 1982, peronda tentera Indonesia telah masuk ke Papua New Guinea sebanyak 7 kali.¹⁵

Pada tahun 1984, selepas konfrontasi hebat berlaku antara nasionalis Papua Barat dengan pihak berkuasa Indonesia, 12,000 orang Papua Barat masuk ke sempadan Papua New Guinea untuk mencari suaka.¹⁶ Keadaan ini telah mengeruhkan hubungan dua hala Indonesia dan Papua New Guinea kerana Indonesia bertindak tidak menghormati kedaulatan mereka, melalui pencerobohan persempadanan bagi menangkap pelarian-pelarian ini. Bagi Australia, meskipun masalah ini adalah berlaku di Papua New Guinea, namun ia tetap mendatangkan implikasi kepada mereka kerana Papua New Guinea merupakan jiran terdekat mereka. Keadaan yang tidak stabil di Papua New Guinea pastinya memerlukan Australia menggunakan lebih banyak sumber untuk mengembalikan ketenteraman serantau. Meskipun masalah ini sudah tidak

¹⁵ Ronald James May, *State and Society in Papua New Guinea: The First Twenty-Five Years*, (Hindmarsh: CHP Production, 2001), 295.

¹⁶ Ron May, “Papua New Guinea: Disorderly Democracy Or Dysfunctional State,” in *Australia’s Arc of Instability: The Political and Cultural Dynamics of Regional Security*, ed. Dennis Rumley, Vivian Louis Forbes, dan Christopher Griffin, (Dordrecht: Springer, 2006), 155.

sehebat seperti 1980-an, namun ia masih boleh menggugat sekiranya berlaku konflik besar di Papua Barat pada masa hadapan.¹⁷

Pada tahun 1985, TNI telah melakukan penindasan yang hebat ke atas aktiviti OPM dan menyebabkan banyak orang Papua Barat melarikan diri ke Papua New Guinea untuk mencari suaka. Tiga orang Papua Barat daripadanya melarikan diri ke Boigu Island milik Australia, dan Australia telah mengambil masa berbulan untuk mengisukan visa kepada mereka pada akhirnya, kerana terpaksa akur dengan tekanan media, pendapat umum dan gereja.¹⁸ Tindakan Australia telah menyebabkan ketegangan politik dengan Indonesia, dan ia membuktikan bahawa sekiranya Australia memberi perlindungan suaka kepada orang Papua Barat, ia pasti menjejaskan hubungan dua hala, tidak kira sama ada kedua-dua kerajaan sedang berada di tahap hubungan yang paling baik atau sebaliknya. Dalam contoh ini, meskipun Hawke dan Suharto mempunyai hubungan peribadi yang baik, tetapi perbuatan Australia telah dianggap mencabar kedaulatan Indonesia.

Pada tahun 2006, 43 pencari suaka yang mendarat di Australia sekali lagi mencabar kebijaksanaan kerajaan Australia, selepas hubungan Australia-Indonesia mula pulih secara beransur-ansur pada era Susilo. Meskipun Susilo meminta Australia menghantar pulang pencari suaka ini dan menjamin keselamatan mereka, namun Australia tetap memberi perlindungan kepada 42 daripada mereka. Insiden ini menjadikan hubungan dua hala kembali menjadi keruh. Dalam menghadapi setiap kes pencari suaka Papua Barat, kerajaan Australia mempunyai peranan untuk bertindak sebagai penapis (*gatekeeper*) dan keputusan mereka akan mempengaruhi keberkesanan Indonesia untuk mengenakan kuarantin politik ke atas strategi Papua Barat dan orang

¹⁷ Esther Heidbuchel, *The West Papua Conflict in Indonesia: Actors, Issues and Approaches* (Wettenberg: Die Deutsche Bibliothek, 2007), 66.

¹⁸ Bruce Haigh, "West Papua," *Bruce Haigh*, http://brucehaigh.com.au/haigh_writes/west_papua.pdf/ (accessed 19 March 2012).

Papua Barat.¹⁹ Dalam kes ini, Australia yang memilih menerima pencari suaka telah memberi mesej kepada aktivis Papua Barat lain bahawa mereka boleh mencari perlindungan di Australia sekiranya wujud penindasan di Papua Barat. Meskipun keputusan Australia menepati amalan hak asasi manusia, namun ia mungkin menyulitkan Indonesia untuk menguruskan isu sedemikian pada masa hadapan.

Dari zaman Suharto sampai hari ini, masalah pelarian Papua Barat dilihat menjadi bebanan yang besar kepada hubungan dua hala Australia-Indonesia. Dari satu segi, Australia terpaksa menerima pelarian dari Papua Barat yang menepati kriteria sebagai pencari suaka, kerana berlandaskan undang-undang yang telah digubal. Namun, secara realistiknya, sekiranya mempunyai pilihan lain, Australia juga adalah tidak ingin menerima penerima suaka dari Papua Barat. Selain akan menerima tekanan dari Jakarta, pelarian Papua Barat turut mendatangkan masalah keselamatan kepada mereka. Pada tahun 1991, Thomas Wanda, seorang pelarian Papua Barat di Australia cuba menyeludup senjata dari Australia melalui Selat Torres ke Papua Barat untuk kegunaan OPM.²⁰

Perkara sedemikian akan menyusahkan Australia untuk berurusan dengan Indonesia. Dalam aspek lain juga, Australia turut mengkhawatiri sekiranya mereka terlalu murah hati kepada pencari suaka Papua Barat, ia mungkin memberi mesej yang silap kepada orang Papua Barat dan menyebabkan perlambakan pelarian mahupun penyeludupan manusia yang akan menelan perbelanjaan yang banyak oleh kerajaan Australia. Pendirian Australia telah menyebabkan kedua-dua negara bekerjasama dalam menangani isu ini, dan berusaha mengelakkan orang Papua Barat mendarat di Australia, untuk mengelakkan kerumitan yang bakal dihadapi kedua-dua negara.

¹⁹ Richard Chauvel, "Dynamics of Conflict and Displacement in Papua, Indonesia," (paper presented at the one-day workshop held at St. Antony's College, Oxford, 26 October 2006), 39.

²⁰ Jim Elmslie, *Irian Jaya Under The Gun: Indonesia Economic Development versus West Papuan Nationalism* (Honolulu: University of Hawai'i Press, 2002), 61.

4.4 IMPLIKASI KE ATAS HUBUNGAN EKONOMI

Walaupun kepentingan strategik dilihat sebagai keutamaan Australia dalam dasar-dasar Papua Barat mereka, namun kepentingan ekonomi turut penting dalam pertimbangan Australia. Sebagai sebuah kawasan yang dapat menghasilkan pelbagai sumber mineral yang penting untuk kegunaan industri, kekayaan Papua Barat turut diintai oleh syarikat perlombongan Australia untuk mendapatkan sumber mineral dari rantau ini. Australia perlu memastikan Papua Barat terus kekal bersama Indonesia, supaya syarikat-syarikat mereka dapat meneruskan penerokaan. Papua Barat yang merdeka adalah sesuatu keadaan yang tidak mendatangkan manfaat kepada ekonomi Australia, kerana pemerintahan baru mungkin mengenakan peraturan yang ketat untuk aktiviti perlombongan, mahupun terus menghalau syarikat perlombongan Barat daripada terus kekal di Papua Barat.

Kebanyakan operasi syarikat Australia di Papua Barat merupakan syarikat yang melabur dalam bidang perlombongan. Sejak zaman Suharto lagi, syarikat Australia telah mula bergiat di Papua Barat. Pada tahun 1995, syarikat Australia Rio Tinto telah mengadakan usahasama dengan Freeport di kawasan perlombongan Grasberg, dan Rio Tinto memiliki saham sebanyak 40 peratus dalam projek ini. Seperti kebanyakan aktiviti perlombongan di Papua Barat yang berakhir dengan kerosakan alam sekitar, penindasan terhadap penduduk setempat dan sebagainya, projek ini telah memberi implikasi yang begitu besar bagi Papua Barat. Operasi di Grasberg telah menghasilkan satu billion ton bahan sisa dan telah mencemari sistem sungai setempat di mana konsentrasi gangsa yang terdapat di sungai setempat telah menjadikan sungai tidak menepati piawaian air

yang bersih Indonesia sebanyak dua kali ganda.²¹ Walaupun Freeport merupakan peneraju dalam projek ini, namun Rio Tinto tidak dapat lari daripada tanggungjawab yang harus dipikul di atas keputusan untuk beroperasi di Papua Barat. Kerjasama di Grasberg adalah bermula daripada pelaburan kapital sebanyak USD500 juta di Freeport dengan balasan 12 peratus saham bagi bisnes di AS, dan juga pembiayaan sebanyak USD184 juta kepada operasi di Grasberg, dan ini membolehkan Rio Tinto menerima 40 peratus saham dalam operasi di Grasberg.²²

Kewujudan Rio Tinto di Grasberg dikutuk dengan hebat kerana selain merosakkan alam sekitar kawasan perlombongan, mereka juga bersekutu dengan Freeport yang dilihat sudah sinonim dengan menindas penduduk Papua Barat apabila menjalankan operasi mereka sejak 1960-an. Rio Tinto tidak menghiraukan segala skandal ini demi keuntungan sendiri dan mengabaikan kepentingan orang Papua Barat. Sebelum perjanjian kerjasama dengan Freeport termeterai, sudah banyak bukti yang menunjukkan Freeport terlibat dalam aktiviti rasuah yang melibatkan TNI, di mana TNI diupah oleh Freeport sebagai pelindung mereka daripada sebarang serangan hendap atau aktiviti sabotaj dari orang Papua Barat yang boleh memperencatkan aktiviti perlombongan mereka.

Meskipun tindakan Rio Tinto dan Freeport dikecam oleh NGO Indonesia dan Australia, namun kerajaan kedua-dua negara tidak memberi perhatian yang serius kepada tindakan yang tidak menepati hak asasi manusia ini. Malah, boleh diperkatakan bahawa zaman Suharto telah merangsang aktiviti-aktiviti perlombongan tidak bertanggungjawab syarikat asing di Papua Barat, kerana kerajaan diktator ini langsung

²¹ "Rio Tinto: A Shameful History of Human and Labour Rights Abuses And Environmental Degradation Around the Globe," *London Mining Network*, <http://londonminingnetwork.org/2010/04/rio-tinto-a-shameful-history-of-human-and-labour-rights-abuses-and-environmental-degradation-around-the-globe/> (accessed 11 February 2012).

²² Naj Taylor, "A History of Violence at Indonesia Mine," *Al-Jazeera*, <http://www.envirosagainstwar.org/know/read.php?itemid=11425/> (accessed 12 February 2012).

tidak mempeduli kebajikan orang Papua Barat, dan hanya tertumpu kepada bagaimana memaksimumkan kekayaan dari kawasan ini.

BHP Billiton merupakan syarikat perlombongan yang terbesar di dunia, yang berpangkalan di Melbourne. Seperti kebanyakan syarikat perlombongan lain yang turut dikaitkan dengan kontroversi dan skandal, BHP Billiton turut tidak dapat lari daripada tomahan-tomahan sedemikian. BHP Billiton merancang untuk menjalankan operasinya di Pulau Gag Papua Barat, kerana kawasan ini memiliki bekalan nikel yang terbanyak di dunia. Namun, ia digariskan Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan PBB (UNESCO) sebagai kawasan paling kaya dengan spesis batu karang yang pelbagai.²³ Kontroversi ini menyebabkan BHP Billiton terpaksa menangguhkan projek ini buat sementara, namun ia diteruskan semula pada tahun 2008 melalui sokongan kerajaan Indonesia. Projek ini merupakan kerjasama antara BHP Billiton dengan Antam, sebuah syarikat milik kerajaan Indonesia. Pada November 2008, BHP Billiton memilih menghentikan kerjasama dengan Antam dalam projek yang bernilai US\$4.5 billion ini, berdasarkan pertimbangan kepentingan bisnes.²⁴

Pelaburan di Pulau Gag merupakan contoh yang terbaik untuk menerangkan bahawa hubungan ekonomi Australia-Indonesia tidak pernah terbatas atau tergendala kerana konflik Papua Barat. Nilai ekonomi yang penting di Papua Barat menyebabkan Australia dan Indonesia sering kali mengintai peluang untuk menjana lebih banyak pendapatan dari kawasan ini. Kerjasama BHP Billiton dan Antam yang dimeterai pada zaman Suharto terganggu melalui terlaksananya undang-undang perhutanan No. 44/1999, namun Megawati telah mengisukan dekri Presiden untuk membenarkan BHP

²³ Geoff Thompson and Tony Jones, "Lateline ABC," *Australian Broadcasting Corporation*, <http://www.abc.net.au/lateline/content/2008/s2377250.htm/> (accessed 5 March 2012).

²⁴ "BHP Drops Mega Nickel Project with Antam," *The Jakarta Post*, 14 November 2008.

Billiton meneruskan projeknya di Pulau Gag.²⁵ Sekiranya BHP Billiton tidak menamatkan projek ini, ekosistem persekitaran Pulau Gag akan dirosakkan dan mendatangkan masalah alam sekitar yang serius kepada kawasan ini.

Selepas Susilo menerajui kerajaan Indonesia, transformasi demokrasi di Indonesia dilihat telah berada di tahap yang semakin matang, namun ia tidak banyak membantu dalam menangani keganasan di Papua Barat yang berlaku akibat daripada aktiviti perlombongan. Pada 2011, keadaan di Papua Barat kembali menjadi bergolak, dan bilangan kes keganasan adalah meningkat berbanding beberapa tahun yang lepas. Pada Disember 2011, kes keganasan yang menyumbang kepada pembunuhan orang tempatan yang melibatkan TNI dan Polis telah berlaku di Paniai. Tiada bukti kukuh menunjukkan syarikat emas milik Australia, Paniai Gold terlibat dalam insiden ini, namun mereka dikaitkan sebagai suspek dalam skandal ini. Tumpuan utama yang diberi dalam operasi ini adalah sama ada TNI dan polis yang memberi perlindungan kepada Paniai Gold terlibat dalam operasi besar-besaran terhadap Tentera Pembebas Papua Barat (*West Papuan Liberation Army*) yang berpangkalan di Eduda, dan sampai tahap yang mana kedutaan besar Australia membantu Paniai Gold dalam operasi mereka.²⁶ Penglibatan syarikat perlombongan Australia yang dilihat tidak bermoral secara tidak langsung menunjukkan bahawa meskipun kerajaan Australia tidak terlibat dengan langsung dalam aktiviti ekonomi di Papua Barat, namun mereka tidak dapat lari daripada tomanan dan kritik pihak luar kerana mereka seperti berdiam diri terhadap segala ketidakadilan yang berlaku.

²⁵ "BHP Billiton Backs Off From the Gag Islands; A Decision Worth Following," *JATAM*, <http://english.jatam.org/content/view/26/17/> (accessed 3 February 2012).

²⁶ Alex Rayfield, "Update on Military Operations in Paniai and Australian Involvement," *West Papua Media Alerts*, <http://westpamuamedia.info/2011/12/22/update-on-military-operations-in-paniai-and-australian-involvement/> (accessed 11 February 2012).

Selain kepentingan ekonomi Australia di Papua Barat, kepentingan hubungan ekonomi keseluruhan dengan Indonesia juga merupakan pendorong utama Australia untuk cuba mengekalkan hubungan baik dengan Indonesia dalam konflik Papua Barat. Kedudukan geografi Australia memerlukan kapal perdagangan mereka melalui perairan Indonesia untuk mengeksport barangan ke pasaran Asia, sekiranya wujud ketegangan politik dan ekonomi yang serius dengan Indonesia, Australia perlu membayar kos yang lebih banyak dalam aktiviti ekonomi mereka.²⁷ Memori pahit insiden Timor Timur mengingatkan Australia bahawa kemungkinan hubungan dua hala merosot adalah wujud, sekiranya tidak menyokong Papua Barat terus kekal di bawah jajahan Indonesia. Keadaan ini adalah tidak mendatangkan apa apa faedah kepada Australia, kerana selain mengalami kerugian dari segi ekonomi, mereka turut perlu membiayai lebih banyak peruntukkan untuk tujuan pertahanan sekiranya Papua Barat yang merdeka menimbulkan keadaan tidak stabil serantau.

Pelbagai contoh di atas dapat menerangkan bahawa hubungan ekonomi Australia dan Indonesia adalah erat, dan tidak terganggu oleh konflik Papua Barat. Dari satu sudut yang lain, boleh dikatakan konflik ini telah mengeratkan hubungan ekonomi Australia dan Indonesia. Syarikat-syarikat Australia, terutamanya syarikat perlombongan telah menikmati kekayaan yang lumayan dari Papua Barat. Pergolakan di kawasan ini juga menyebabkan syarikat Australia yang berpangkalan di Australia turut menikmati keuntungan, seperti Freeport menggunakan Cairns sebagai pangkalan untuk pekerja Australia yang bekerja untuk mereka dan juga sebagai tempat untuk membekalkan barangan keperluan kepada mereka. Keuntungan dari segi ekonomi juga merupakan salah satu faktor kerajaan Australia ingin mengekalkan hubungan baik

²⁷ Priyambudi Sulistiyanto, "Indonesia-Australia Relations in the Era of Democracy: The View from the Indonesian Side," *Australian Journal of Political Science* Vol.45, No.1 (2010) : 120.

dengan Indonesia dalam konflik Papua Barat, kerana mengkhawatiri Papua Barat yang merdeka akan menggugat kewujudan syarikat Australia di tanah Papua Barat.

Dari dimensi yang lain, faedah dari bidang ekonomi Papua Barat yang dinikmati oleh syarikat-syarikat Australia, secara tidak langsung merupakan faktor yang mengeratkan hubungan Australia-Indonesia. Berbanding dengan hubungan dua hala Australia-Indonesia yang mengalami ketegangan dalam era pemerintahan yang berbeza, aktiviti-aktiviti ekonomi syarikat Australia di Papua Barat dilihat tidak pernah putus. Australia menangani konflik Papua Barat dengan cara memenuhi “cita rasa” Indonesia adalah penting dalam memastikan kelancaran keseluruhan aktiviti ekonomi Australia, di samping mengekalkan hubungan perdagangan yang baik dengan Indonesia.

4.5 IMPLIKASI SOSIAL

Terdapat beberapa isu yang boleh mempengaruhi hubungan dua hala dari dimensi sosial. Ini termasuklah aspek persepsi rakyat, peranan media, peranan NGO, dan bantuan pendidikan. Bahagian ini akan membincangkan bagaimanakah aspek sosial telah mempengaruhi hubungan Australia-Indonesia dalam konflik Papua Barat.

4.5.1 Persepsi Rakyat Kedua-dua Negara

Tidak seperti hubungan antara kerajaan yang lebih stabil secara relatif, hubungan antara rakyat dan rakyat Australia-Indonesia dilihat adalah kurang mesra, serta wujud pandangan negatif dan berat sebelah antara satu sama lain. Bagi orang Australia, sistem demokrasi yang didukung mereka selama ini menyebabkan mereka melihat penindasan yang dilakukan Indonesia di Papua Barat untuk mengukuhkan kedaulatan adalah sesuatu yang melanggar hak asasi manusia dan tidak boleh diterima.

Meskipun Indonesia telah memasuki era demokrasi selepas Suharto mengundurkan diri pada tahun 1998, kebanyakan orang Australia masih menganggap Indonesia berada di zaman autokratik. Situasi ini menyebabkan sesetengah rakyat Australia mempunyai stereotaip terhadap setiap perkembangan di Indonesia. Keadaan ini mendorong orang Australia melihat konflik Papua Barat dari segi perspektif hak asasi manusia dan kedaulatan orang Papua Barat ke atas tanah tumpah mereka, lebih daripada mempunyai perasaan empati bagaimana kerajaan Indonesia berusaha untuk mengembalikan ketenteraman di Papua Barat sejurus mengekalkan kedaulatan kesatuan gagasan Indonesia.

Indonesia merupakan sebuah negara yang mempunyai semangat nasionalistik tinggi, dan menempatkan isu-isu seperti kebanggaan negara, kedaulatan dan integriti tanah jajahannya melebihi segala-gala isu yang lain.²⁸ Persepsi sedemikian telah menjadi aliran utama di kalangan orang Indonesia, dan menyebabkan mereka tidak dapat menerima sebarang campur tangan dalam urusan dalaman negara mereka, seperti dalam konflik Papua Barat yang dianggap sebagai sensitif. Semenjak Sukarno mengembangkan cita-cita beliau untuk menakluki Papua Barat sejak tahun 1960-an, ciri-ciri orang Indonesia ini dapat diperalatkan dengan baik oleh pemimpin-pemimpin mereka, terutamanya dalam zaman Sukarno dan Suharto. Dalam zaman pasca Suharto, meskipun orang Indonesia telah memasuki zaman demokrasi, namun beberapa insiden yang berlaku seperti kemerdekaan Timor Timur, pengeboman Bali pada tahun 2002 dan 2005, pelarian Papua Barat pada tahun 2006 dan sebagainya telah memburukkan persepsi orang Indonesia terhadap kerajaan dan orang Australia. Selain persepsi rakyat kedua-dua negara yang negatif antara satu sama lain, media kedua-dua negara dan NGO

²⁸ Rizal Sukma, "Indonesia and the Tsunami: Responses and Foreign Policy Implications," *Australian Journal of International Affairs* Vol. 60, No. 2 (2006): 226.

Australia yang berjuang untuk kemerdekaan dan hak asasi manusia Papua Barat turut dilihat memburukkan lagi hubungan sosial antara rakyat Australia dan Indonesia.

4.5.2 Media Australia Dan Indonesia

Kedua-dua media Australia dan Indonesia dilihat tidak memaparkan imej antara satu sama lain dengan adil dan saksama dalam liputan mereka, dan menyebabkan wujudnya silap faham dan persepsi buruk antara satu sama lain. Hakikatnya, seperti hubungan antara kerajaan Australia dan Indonesia, media Australia adalah lebih mementingkan Indonesia dalam liputannya, berbanding Indonesia mempunyai minat yang lebih meluas dalam berita negara lain seperti AS, China, Asia Tenggara sebelum memberi tumpuan mereka kepada Australia. Kajian Mahony menunjukkan bahawa dalam akhbar Australia, peristiwa yang berkaitan dengan Indonesia mempunyai nilai berita di Australia, tetapi perkara yang sama tidak berlaku di Indonesia.²⁹ Malah dalam kebanyakan sampel akhbar Indonesia yang dipetik, akhbar ini menyiarkan berita negatif Australia yang dipetik dari sumber Australia.

Dapatan ini menunjukkan bahawa fokus media Indonesia yang lebih cenderung untuk menyiarkan berita negatif Australia, berpotensi menyumbang kepada persepsi negatif orang Indonesia terhadap Australia. Kajian ini turut mendapati bahawa meskipun perubahan sosial dan politik di abad ini telah meningkatkan imej Australia dan Indonesia dalam media masing-masing, namun persepsi negatif terhadap negara lain tetap banyak berulang.³⁰ Dalam konflik Papua Barat misalnya, laporan di media kedua-dua negara tidak dapat memupuk persefahaman, sebaliknya mewujudkan jurang

²⁹ Inez Mahony, "Australia and Indonesia: A Neighbour's Perspective," (paper presented at the 16th Biennial Conference of the Asian Studies Association of Australia, Wollongong, Australia, 26-29 June 2006), 21. Kajian yang dijalankan Mahony ini bertujuan untuk menilai bagaimana berita Indonesia dan Australia dipaparkan dalam media cetak antara satu sama lain dan faktor yang menyebabkan sedemikian.

³⁰ Ibid.

yang lebih besar antara rakyat kedua-dua negara, kerana mereka tidak memikir daripada sudut pihak lain.

Sepanjang era kepemimpinan Suharto, laporan media Australia terhadap Indonesia banyak berputar mengenai norma pemerintahan autokratik yang bercanggah dengan dukungan demokrasi yang diamalkan orang Australia selama ini.³¹ Selepas Indonesia memasuki era demokrasi, meskipun Indonesia telah mengalami transformasi yang begitu drastik, namun kekalutan politik dan penganiayaan hak asasi manusia di Papua Barat yang masih wujud telah menguatkan lagi persepsi rakyat Australia bahawa Indonesia tidak memiliki sistem demokrasi yang sebenar. Woolcott turut menekankan perbezaan persepsi utama yang wujud antara Australia dan Indonesia adalah mengenai isu hak asasi manusia, seperti dalam konflik Papua Barat.³² Apabila semakin banyak laporan mengenai ketidakstabilan di Papua Barat terpapar di media Australia, persepsi orang Australia mengenai Indonesia akan menjadi semakin buruk. Kajian yang dilakukan oleh Lowy Institute seperti yang dibincangkan di Bab 3 telah memberikan bukti yang kukuh dalam hujah ini.

Dari sudut Indonesia, pemimpin dan media Indonesia turut mempunyai persepsi yang konsisten bahawa pemimpin Parti Buruh Australia adalah lebih jujur untuk mengadakan hubungan dengan Indonesia, dan ia secara tidak langsung menunjukkan bagaimana Howard menghadapi cabaran yang begitu hebat untuk bernesra dengan Indonesia di tempoh beliau menjadi Perdana Menteri Australia dari tahun 1996-2007.³³ Tambahan pula, kawalan media yang ketat dikenakan Suharto di zaman pemerintahan beliau menyukarkan media Indonesia menyiarkan berita-berita negatif di Papua Barat. Kawalan media sedemikian boleh memberi implikasi yang cukup besar kepada rakyat

³¹ Warief Djajanto Basorie, "Australia-Indonesian Relations: Making Them Work," *The Jakarta Post*, 12 February 2010.

³² *Ibid.*

³³ Priyambudi Sulistiyanto, "Indonesia-Australia Relations in the Era of Democracy: The View from the Indonesian Side," 118.

Indonesia, kerana berita yang diterima mereka mengenai Papua Barat adalah berbeza dengan cukup ketara antara zaman Suharto dan pasca zaman Suharto yang memiliki kebebasan media. Laporan media yang dikawal kerajaan di zaman Suharto berupaya meningkatkan lagi semangat nasionalistik rakyat Indonesia dan mempunyai persepsi bahawa campur tangan masyarakat luar termasuk Australia adalah tindakan yang mencabar kedaulatan Indonesia.

Dari zaman Suharto sehingga zaman pasca Suharto, laporan media di kedua-dua negara tidak banyak membantu dalam mempereratkan hubungan dua hala. Sebaliknya, tumpuan media yang menonjolkan isu negatif antara satu sama lain menjadikan rakyat masing-masing mempunyai tanggapan yang tidak baik terhadap satu sama lain. Dalam era pasca Suharto, masalah ini mungkin menjadi lebih serius, kerana media Indonesia yang sudah tidak dikawal seperti dulu mempunyai lebih banyak kebebasan untuk memaparkan isu yang mereka rasakan patut untuk diketahui oleh khalayak mereka. Untuk memupuk persefahaman rakyat kedua-dua negara mengenai konflik Papua Barat melalui media, ia adalah sesuatu perancangan yang tidak realistik, kerana kerajaan demokrasi kedua-dua negara tidak berupaya dan tidak boleh mengawal media mereka. Sebaliknya, pihak kerajaan kedua-dua negara perlu melakukan lebih banyak aktiviti seperti seminar, simposium, dan sebagainya bagi pemberita kedua-dua negara, supaya mereka dapat bertukar pendapat dan menghargai aspek positif antara satu sama lain, yang dapat memupuk persefahaman media dan khalayak dalam jangka masa panjang.

4.5.3 Peranan Badan-Badan Bukan Kerajaan (NGO) Australia

Berbeza dengan dasar kerajaan, kebanyakan orang Australia adalah bersimpati dengan nasib orang Papua Barat. Pihak-pihak seperti Persatuan Papua Barat Australia (*The Australian West Papua Association*), Projek Papua Barat Universiti Sydney

(*University of Sydney's West Papua Project*), aktivis gereja individu dan sebagainya adalah pihak-pihak penting yang membangkitkan isu Papua Barat di Australia.³⁴ King berpendapat ketika isu Timor Timur pada 1999, jurang antara kerajaan Australia dan rakyatnya adalah sempit, apabila kerajaan dengan perlahannya dapat mengejar langkah dan pendapat media, orang ramai, NGO dan sebagainya.³⁵ Tetapi dalam konflik Papua Barat, NGO dan kerajaan Australia seperti memainkan dua peranan yang berbeza, di mana kerajaan Australia memilih untuk melakukan perkara yang terbaik bagi memenuhi keinginan Indonesia, manakala NGO mereka berusaha membongkar kegiatan terkutuk yang dilakukan pihak berkuasa Australia, supaya konflik Papua Barat dapat berubah ke keadaan yang lebih baik. Meskipun kebanyakan NGO dan gereja ini menerima bantuan kewangan dari kerajaan Indonesia, namun ia tidak boleh dianggap sebagai sayap kerajaan yang memainkan isu yang tidak sesuai dibangkitkan dalam peringkat antara kerajaan dan kerajaan, kerana mereka bukan merupakan badan kerajaan. NGO sedemikian mempunyai misi tersendiri untuk membongkar isu penganiayaan hak asasi manusia di Papua Barat di mata dunia supaya sesuatu yang konkrit dapat dilakukan untuk mengubah keadaan ini.

Dari zaman Suharto sehingga zaman pasca Suharto, NGO Australia telah memulakan kegiatan mereka untuk membantu orang Papua Barat memperjuangkan hak mereka. Kegiatan mereka tidak disenangi kerajaan Indonesia, kerana ia akan mencabar kedaulatan mereka ke atas cengkaman di Papua Barat; manakala bagi kerajaan Australia, tindakan NGO menyebabkan mereka berada di keadaan yang sukar kerana Indonesia berpendapat mereka memilih untuk berdiam diri ke atas tindakan NGO yang boleh menjejaskan hubungan dua hala. Pada 2002, keretakan yang serius telah berlaku di antara kerajaan Australia dan Indonesia, kerana NGO Australia yang dibantu kerajaan

³⁴ McGibbon, *Pitfalls of Papua: Understanding the Conflict and its Place in Australia-Indonesia Relations*, 90-91.

³⁵ Peter King, *West Papua & Indonesia since Suharto: Independence, Autonomy or Chaos?*, 140.

dari segi kewangan bergiat aktif dengan gerakan pembebasan Aceh dan Papua Barat.³⁶ Di zaman pasca Suharto, peranan NGO Australia dalam konflik Papua Barat menjadi semakin kritik, kerana lebih banyak NGO dan pemimpin Papua Barat yang dibuang negeri menggunakan Australia sebagai pangkalan perjuangan mereka, dan menyebabkan lebih banyak masalah Papua Barat dibongkar ke mata dunia.

NGO Australia sukar memainkan peranan seperti menjalankan kerja-kerja sosial di Papua Barat, kerana pihak berkuasa Indonesia adalah berwaspada dengan kewujudan mereka dan mengkhawatiri mereka terlibat dalam penyebaran mesej-mesej menuntut kemerdekaan yang boleh meruntuhkan kedaulatan Indonesia ke atas Papua Barat. Projek Oxfam³⁷ yang berniat meningkatkan kuasa golongan wanita juga menghadapi kesulitan apabila Indonesia tidak membenarkan penasihat warga asing mengunjungi Papua Barat.³⁸ Selain NGO dan gereja Australia, Projek Papua Barat yang didirikan di Universiti Sydney turut memainkan peranan yang penting dalam konflik Papua Barat. Projek ini bermatlamat untuk memperkenalkan dialog keamanan antara orang Papua Barat dan Indonesia, supaya dapat menawarkan resolusi konflik sebagai alternatif untuk mengatasi konflik masa kini yang berlanjutan.³⁹ Projek ini yang dipelopori oleh Jim Elmslie dan Peter King berusaha membincangkan aspek-aspek seperti penyalahgunaan kuasa TNI, orang Papua Barat yang tidak diberi layanan saksama secara akademik di bawah projek ini. Usaha sedemikian dapat menawarkan pandangan alternatif orang Australia terhadap konflik ini, tetapi turut mengeruhkan hubungan sosial dan antara kedua-dua kerajaan.

³⁶ Brynjar Lia, *Globalisation and the Future of Terrorism: Patterns and Predictions* (Oxon: Routledge, 2005), 94.

³⁷ Oxfam merupakan konfederasi antarabangsa yang bekerjasama dengan rakan kongsi di seluruh dunia untuk menemui cara penyelesaian berpanjangan ke atas masalah kemiskinan dan ketidakadilan. Sila rujuk www.oxfam.org/en/about untuk maklumat lanjut.

³⁸ "West Papua Report March 2012," *East Timor Action Network*, <http://www.etan.org/issues/wpapua/2012/1203wpap.htm/> (accessed 21 March 2012).

³⁹ Centre For Peace And Conflict Studies, "About the West Papua Project," *The University of Sydney*, http://sydney.edu.au/arts/peace_conflict/research/west_papua_project.shtml/ (accessed 16 February 2012).

Dari zaman Suharto sehingga zaman pasca Suharto, hubungan sosial antara rakyat Australia dan Indonesia tidak mempunyai perubahan yang ketara, dan persepsi negatif antara satu sama lain dilihat adalah semakin buruk. Selepas Indonesia memasuki era reformasi, meskipun larangan ke atas lawatan pemberita asing masih kekal, namun penghapusan kawalan media domestik telah menyebabkan informasi di Papua Barat adalah lebih senang diakses, tetapi ia tidak banyak menyumbang kepada persefahaman rakyat kedua-dua negara. Laporan media Australia yang banyak mengenai salah laku Indonesia di Papua Barat telah membangkitkan semangat nasionalistik orang Indonesia bahawa Australia ingin mencampur tangan dalam konflik Papua Barat, dan merumitkan keadaan.

4.5.4 Bantuan Pendidikan Australia Kepada Papua Barat

Secara amnya, tahap pendidikan orang Papua Barat adalah sangat rendah, dan kebanyakan di kalangan mereka tidak menerima pendidikan yang baik, termasuklah tidak melengkapkan pendidikan tahap rendah. Keadaan ini disebabkan beberapa faktor, antaranya adalah disebabkan kebanyakan orang Papua Barat berada di kawasan pencil, dan mereka tidak berupaya menghantar anak mereka menerima pendidikan di kawasan bandar. Keadaan ini menyebabkan orang Melanesia Papua Barat sukar untuk menerima pendidikan asas, dan mempunyai jurang yang besar dengan orang Indonesia yang berpindah ke Papua Barat menerusi program transmigrasi. Orang Melanesia Papua Barat tidak berupaya mengubah nasib mereka kerana ketinggalan dalam bidang pendidikan dan ia telah menghadkan kebolehan mereka. Pemerintahan Suharto mementingkan pembangunan pendidikan di bahagian Barat Indonesia berbanding dengan bahagian Timur negara itu, dan menyebabkan pembahagian sumber manusia yang tidak adil antara bahagian Barat dan Timur Indonesia.⁴⁰

⁴⁰ Julius Ary Mollet, "Educational Investment in Conflict Areas of Indonesia: The Case of West Papua Province," *International Education Journal* Vol. 8, No. 2 (2007): 155.

Australia telah menyumbangkan 58.9 bilion Rupiah melalui Tabung Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF) pada tahun 2010, untuk membantu menyokong Papua Barat mencapai tujuan memajukan pendidikan rendah.⁴¹ Langkah ini merupakan permulaan baik kepada Australia dan Indonesia, kerana peningkatan dalam tahap pendidikan orang Papua Barat boleh merapatkan jurang mereka dengan orang Indonesia yang lain, dan mungkin dapat memupuk persefahaman pada jangka masa panjang. Ini mungkin merupakan pelaburan berbaloi Australia, sekiranya dalam jangka masa panjang, ia dapat membantu membawa keamanan Papua Barat dan sejurusnya bertukar menjadi keamanan serantau. Namun sekiranya Australia menyalahgunakan program ini dengan memasukkan perisik mereka ke dalam Papua Barat untuk tujuan pengintipan, kontroversi akan wujud dan merumitkan keadaan sedia ada.

4.6 KESIMPULAN

Konflik Papua Barat telah memberi implikasi kepada hubungan dua hala Australia-Indonesia sejak wilayah ini dicantumkan ke dalam Indonesia pada tahun 1969. Meskipun konflik ini bukan merupakan faktor paling penting dalam menentukan hala tuju hubungan dua hala, namun ia telah terbukti dapat memainkan peranan yang penting terutamanya apabila berlaku perubahan di kerajaan Indonesia yang menyebabkan perubahan dasar. Walaubagaimanapun, konflik ini tidak hanya memberi implikasi negatif semata-mata kepada hubungan dua hala, kerana ia telah menawarkan prospek kerjasama kepada kedua-dua negara. Aspek “positif” dan “negatif” perlu dikaji dari dua aspek penting, iaitu aspek strategik dan hak asasi manusia. Kedua-dua aspek ini sentiasa

⁴¹ “West Papua Government, Australia and UNICEF Join Forces To Improve Access, Quality and Equity in Primary Education,” *UNICEF*, http://www.unicef.org/indonesia/media_13399.html/ (accessed 19 March 2012) .

menjadi tema utama dalam perancangan Australia apabila menguruskan konflik Papua Barat dan juga hubungan dengan Indonesia.

Pada zaman Suharto, konflik Papua Barat tidak banyak menggugat kestabilan hubungan Australia-Indonesia, kerana pendirian Australia yang menyebelahi Indonesia mencerooh Timor Timur mengukuhkan tanggapan Indonesia bahawa Australia tidak akan meragui kedaulatan mereka ke atas wilayah-wilayah lain Indonesia yang penuh dengan kontroversi seperti Papua Barat. Selain itu, Perdana Menteri Australia seperti Hawke dan Keating dari Parti Buruh yang mempunyai hubungan peribadi yang baik dengan Suharto menyebabkan hubungan dua hala adalah lancar. Pengabaian konflik Papua Barat dalam pengurusan hubungan dua hala menyebabkan kedua-dua negara menikmati hubungan yang stabil sepanjang zaman Suharto. Perdana Menteri seperti Hawke dan Keating yang terlalu bergantung kepada hubungan peribadi akrab dengan Suharto dalam menguruskan hubungan dua hala telah memberi implikasi besar kepada hubungan dua hala dalam jangka masa panjang, kerana mereka mengabaikan realiti bahawa pertukaran kerajaan di kedua-dua negara akan menggugat hubungan dua hala pada masa depan, disebabkan hubungan peribadi antara pemimpin yang membawa kepada kestabilan hubungan Australia-Indonesia hanya dapat menikmati kebaikan sementara, dan pemimpin yang baru terpaksa memulakan usaha baru untuk mengukuhkan hubungan dua hala. Pengabaian konflik Papua Barat di zaman ini telah menyebabkan hubungan dua hala maju ke hadapan dengan kejayaan termeterainya perjanjian keselamatan pada 1995.

Selepas Suharto terpaksa mengundurkan diri pada Mei 1998, kerajaan Howard akhirnya terpaksa menanggung akibat yang teruk kerana pengurusan konflik Timor Timur yang tidak matang dan menyebabkan keretakan hubungan dua hala. Masalah ini

berpunca dari dua aspek, pertama adalah ia merupakan lanjutan daripada kesilapan kerajaan Australia pimpinan Whitlam yang menyokong tindakan Indonesia menceroob Timor Timur, dan yang kedua adalah Howard dilihat terlalu gopoh dalam mengendalikan konflik Timor Timur kerana Indonesia yang dipimpin Habibie masih mencari-cari rentak terbaik untuk membawa Indonesia mengharungi transformasi demokrasi. Kemerdekaan Timor Timur mengingatkan kerajaan dan orang Indonesia bahawa perkara yang sama mungkin berlaku di Papua Barat, dan menyebabkan hubungan dua hala menjadi dingin. Implikasi terbesar dalam insiden ini adalah tergendalanya perjanjian keselamatan yang temeterai pada 1995.

Selepas insiden pengeboman Bali pada 2002 dan 2005, hubungan dua hala menjadi semakin baik, kerana kedua-dua kerajaan menyedari adalah perlu untuk mewujudkan semula kerjasama keselamatan. Perjanjian Lombok 2006 merupakan petanda baik hubungan Australia-Indonesia kembali ke landasan yang betul, selepas perjanjian keselamatan 1995 telah dibatalkan oleh Presiden Wahid. Perjanjian ini telah memasukkan peraturan yang menghadkan penglibatan Australia dalam konflik Papua Barat, dan ia merupakan pengorbanan yang terpaksa dilakukan Australia untuk memastikan perjanjian keselamatan ditandatangani. Perkembangan ini menjelaskan sekiranya Australia tidak mencabar kedaulatan Indonesia ke atas Papua Barat, hubungan dua hala boleh berada di tahap yang terbaik. Demi kepentingan strategik dan keselamatan Australia, mereka memilih untuk mengabaikan konflik Papua Barat. Dari segi hubungan dua hala, kejayaan menandatangani perjanjian keselamatan 2006 adalah penting untuk kedua-dua negara, tetapi pengabaian terhadap hak asasi manusia yang buruk di Papua Barat mungkin mendatangkan masalah yang besar dalam jangka masa panjang.

Dalam pengurusan konflik Papua Barat, demi kepentingan hubungan politik, keselamatan dan ekonomi, kerajaan Australia memilih menyetujui masalah hak asasi manusia di Papua Barat supaya kestabilan hubungan dua hala boleh dicapai. Secara tidak langsung, konflik Papua Barat telah menawarkan peluang kerjasama yang banyak kepada kedua-dua negara dalam ketiga-tiga bidang ini, kerana masing-masing mempunyai kepentingan di Papua Barat. Namun demikian, masalah pelarian Papua Barat dilihat mempunyai potensi untuk mencabar kestabilan hubungan dua hala, kerana Australia tidak dapat memilih untuk menolak kemasukan mereka ke kawasan Australia disebabkan mereka mempunyai kewajipan untuk menerima mereka yang mencari perlindungan. Masalah pelarian 2006 mempunyai kebarangkalian tinggi untuk berulang pada masa depan, dan cara pengendalian Australia akan memberi implikasi kepada hubungan dua hala, dari segi positif mahupun negatif.

Rakyat dan NGO Australia merupakan golongan yang giat memperjuangkan hak asasi manusia orang Papua Barat, dan boleh dikatakan sebagai pengimbang kepada kerajaan Australia dalam menguruskan konflik Papua Barat. Dari segi positif, ia membantu mengingatkan masyarakat dunia bahawa konflik ini memerlukan solusi yang lebih cenderung kepada kepentingan orang Papua Barat bagi menemukan proses pendamaian. Pendirian rakyat dan Australia sedemikian memberi dilemma kepada kerajaannya, kerana sebagai sebuah negara demokratik, mereka juga perlu menitikberatkan suara umum untuk kepentingan politik domestik. Kerja-kerja yang dilakukan NGO Australia adalah tidak disenangi oleh Indonesia kerana ia menyukarkan usaha mereka untuk mengurus konflik ini. Namun sebagai sebuah negara demokrasi yang semakin matang, Indonesia perlu menangani masalah ini dengan sikap yang positif, kerana dalam jangka masa panjang, NGO Indonesia yang berprihatin turut mungkin

memberikan tekanan sedemikian kepada kerajaan mereka untuk mengembalikan keamanan di Papua Barat.